

Sunday, May 22, 2011

[News Feed](#) [Comments](#)

[ISMA New Zealand](#)

Laman Web Rasmi ISMA New Zealand



- [Home](#)
- [Profil](#)
 - [ISMA New Zealand](#)
 - [Visi dan Misi](#)
 - [Struktur Organisasi](#)
 - [Perutusan Pengerusi](#)
 - [Video Korporat](#)
 - [Lagu Rasmi](#)
- [Kawasan](#)
 - [Auckland](#)
 - [Palmerston North](#)
 - [Wellington](#)
 - [Christchurch](#)
 - [Dunedin](#)
- [Rangkaian](#)
 - [ISMA Pusat](#)
 - [ISMA Jordan](#)
 - [ISMA Australia](#)
 - [ISMA Mesir](#)
 - [ISMA Eropah](#)
- [Daftar](#)
- [Peta Laman](#)
- [Hubungi Kami](#)

Search this website...

- [Fikrah](#)
 - [Kalam JKP](#)
- [Info](#)
 - [Berita](#)
 - [Info ISMA NZ](#)
 - [Laporan Aktiviti](#)
 - [Media ISMA NZ](#)
- [Karya](#)
 - [Ramadhan 1431H](#)
- [Kebajikan](#)
 - [Care 4 Christchurch](#)
- [Minda Pimpinan](#)
- [Promosi Aktiviti](#)
- [Semasa](#)

- [Dunia Islam](#)
- [New Zealand](#)
- [Palestin](#)
- [Tempatan](#)

You are here: [Home](#) / [Fikrah](#) / Penciptaan Manusia Menurut Al Quran

Penciptaan Manusia Menurut Al Quran

Mei 21, 2011 by [IsmaNewZealand](#)

Filed under [Fikrah](#), [Kalam JKP](#), [Karya](#)

[Leave a Comment](#)

Like

Kamarul Rahim Bin Kamarudin and Shariful

قُلْ أَنْزَلَهُ الَّذِي يَعْلَمُ السِّرَّ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّهُ كَانَ
غَفُورًا رَحِيمًا

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad): “Al-Quran itu diturunkan oleh Allah yang mengetahui segala rahsia di langit dan di bumi; sesungguhnya adalah Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (Surah Al-Furqan 25: 6)

Al-Quran Al-Kareem – kitab yang tidak ada keraguan padanya – merupakan mukjizat terbesar yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W. Di dalamnya terkandung berbagai jenis khazanah ilmu untuk dimanfaatkan oleh manusia yang bergelar khalifah dan juga hamba Allah S.W.T., juga mengandungi kisah-kisah umat terdahulu sebagai peringatan daripada Allah S.W.T. kepada manusia yang menghuni bumi ciptaan Allah S.W.T.

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya. (Surah Al-Hijr 15: 9)

Keajaiban isi kandungan Al-Quran telah diperakui oleh pakar-pakar dari pelbagai bidang, antaranya ayat-ayat Al-Quran yang menjelaskan tentang proses kejadian manusia, yang kini telah dibuktikan kebenarannya secara saintifik, walaupun ketika turunnya ayat-ayat Al-Quran berkenaan teknologi sains yang canggih yang berupaya mendalami proses kejadian manusia belum muncul – ini seterusnya membenarkan segala ayat tentang proses kejadian manusia yang Allah S.W.T. telah wahyukan kepada Rasulullah S.A.W., serta membuktikan kebenaran tentang kerasulan Nabi Muhammad S.A.W., seperti yang terkandung dalam ayat-ayat Al-Quran di bawah:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن تُّرَابٍ
 ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُّخَلَّقَةٍ
 لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقَرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ
 نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَّن
 يُنَوِّفُ وَمِنْكُمْ مَّن يَرُدُّ إِلَىٰ أَرْدَلِ الْعُمْرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ
 بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ
 اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ﴿٥﴾

Maksudnya: Wahai

umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai. (Surah Al-Haj 22: 5)

Kesimpulannya, ayat Al-Quran di atas menyentuh tentang kekuasaan Allah S.W.T. dalam menghidupkan semula manusia yang telah mati semasa Hari Pembalasan iaitu Hari Akhirat, di mana Allah S.W.T. menyuruh manusia yang ragu-ragu tentang Hari Akhirat agar memerhatikan proses kejadian manusia yang berperingkat-peringkat, yang mana menunjukkan bahawa jika Allah berkuasa menjadikan dan mematikan manusia, maka tidak mustahil Allah S.W.T. boleh menghidupkan kembali manusia untuk menerima balasan di Hari Akhirat atas segala amal perbuatan mereka ketika di dunia ini. Sesungguhnya Hari Akhirat itu adalah Al-Haqqah – iaitu hari atau saat yang pasti dan tetap akan berlaku.

Seterusnya, Allah S.W.T. menyentuh lagi tentang proses kejadian manusia dalam surah-surah berikutnya, yang mengukuhkan lagi ketinggian dan kelebihan Allah S.W.T. sebagai sebaik-baik Pencipta makhluk:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾ Maksudnya: Dan
 sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah;

ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾ Maksudnya:

Kemudian Kami jadikan “pati” itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh (rahim);

ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا
الْمُضْغَةَ عِظًا مَّا فَكَّسْنَا الْعِظَامَ لِحَمَّاتٍ ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ

﴿١٤﴾ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ *Maksudnya:*

Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sesuatu yang melekat, lalu Kami ciptakan sesuatu yang melekat itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta. (Surah Al-Mu'minun 23: 12-14)

Dan selanjutnya, setelah sempurna kejadian manusia itu, Allah S.W.T. menerangkan pula tentang dua golongan manusia, yang salah satunya memilih jalan yang membawa mereka ke arah kejahatan dan satu lagi ke arah ketaqwaan, seperti yang terkandung di dalam ayat-ayat Al-Quran di bawah:

﴿٧﴾ وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا *Maksudnya: Demi*

diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya);

﴿٨﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا *Maksudnya: Serta*

mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa;

﴿٩﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا *Maksudnya:*

Sesungguhnya berjajalah orang yang menjadikan dirinya – yang sedia bersih – bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan),

﴿١٠﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا *Maksudnya: Dan*

sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya – yang sedia bersih – itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat) – (Surah Ash-Shams 91: 7-10)

Antara persoalan yang perlu kita fikirkan kembali – apakah tujuan sebenar manusia diciptakan oleh Allah S.W.T. – Tuhan sekalian alam? Sesuatu yang Allah S.W.T. ciptakan itu pasti ada sebab-musabab, mustahil ianya tanpa tujuan. Hakikatnya, manusia dijadikan Allah S.W.T. sebagai khalifah untuk memimpin dan memakmurkan dunia atau bumi ciptaan Allah S.W.T. ini, seperti yang disebut di dalam ayat Al-Quran di bawah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا
 أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ
 بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”. (Surah Al-Baqarah 2: 30)

Oleh itu, jelaslah bahawa manusia itu bertanggungjawab sebagai khalifah, seperti yang terkandung di dalam ayat Al-Quran di atas, yang terselit sesi dialog di antara Allah S.W.T. dan para MalaikatNya. Di samping itu, perlu diingatkan bahawa konsep kepimpinan berjaya yang perlu dilaksanakan oleh setiap manusia yang bertanggungjawab sebagai khalifah adalah konsep “Al-Amr bil-Ma’ruf wan-Nahiu ‘anil-Munkar”, seperti diterangkan dalam ayat Al-Quran berikut:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
 الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya. (Surah Ali `Imran 3: 104)

Paling utama, Allah S.W.T. menjadikan manusia untuk menyembah dan beribadat kepadaNya, dan adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah dan makhluk yang mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. (Surah Adh-Dharyat 51: 56)

Dan ingatlah bahawa segala yang manusia kecapi di dunia ini adalah sekadar pinjaman kerana segala-galanya adalah kepunyaan Allah S.W.T., dan kepada Allah S.W.T. lah manusia akan kembali:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Maksudnya: (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.” (Surah Al-Baqarah 2: 156)

Akhir kata, semoga Allah S.W.T. menghidupkan kita dengan ma’rifahNya, serta mematikan kita sebagai para syuhadah yang berjuang di jalan Allah S.W.T., ameen.



Oleh: Kamarul Rahim Bin Kamarudin
Biro Akademik I
Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) New Zealand

- 2
- 2
- 2

Tags: [kelahiran](#), [peciptaannya manusia](#)

Speak Your Mind

Tell us what you're thinking...
and oh, if you want a pic to show with your comment, go get a [gravatar!](#)

Name (required)

Mail (will not be published) (required)

Website

• eNews & Updates

Sign up to receive breaking news
as well as receive other site updates!

• Kiriman Terbaru

- [Penciptaan Manusia Menurut Al Quran](#)
- [Gearing Up for Winter](#)
- [Kuliyah Online: From Zero To Hero](#)

- [Selamat Datang & Selamat Bertugas kepada Atase Pendidikan baru EMNZ](#)
- [Israel sambut 63 tahun kelahirannya dengan penuh gementar](#)
- [Perlu kuat kerana hidup akan makin sukar](#)
- [“Friday Night with KoS” menyemarakkan semangat para pelajar](#)
- [Iktibar dari Sejarah](#)
- [Program “Friday Night with Kulliyah of Science, IIUM” di Auckland](#)

- **ISMAWeb TV**

- **Salam Ziarah**

- [© Ω](#)
- [ShoutMix Chat](#)

6:52 PM May 22, 2011

Information

1. Name
2. Website
3. Message

Control

[Refresh](#)


- [ISMA Auckland](#) "Salam. Layari web baru kami di [link](#)"

[ShoutMix chat widget](#)

- **Video ISMA NZ**











- **Jom beli T-Shirt ISMA NZ !!!**



 **Ikatan Muslimin Malaysia-New Zealand**

Like You like this.

140 people like Ikatan Muslimin Malaysia-New Zealand.

				
Zulfadhly	Syafiq	Syahid	Fatin	ABi
				
Wan Char K	Shariful	Isma	Umayr	Isma



• **Komen Terbaru**

- NZ bagi [Jawatankuasa Pusat ISMA NZ 2011/12](#)
- hAMBo Hina.. bagi [Apakah yang telah aku lakukan sepanjang hidupku?](#)
- [emir.abu.khalil](#) bagi [Jawatankuasa Pusat ISMA NZ 2011/12](#)



- **Spam Blocked**

514

spam comments

Copyright © 2011 · All Rights Reserved · Theme modified by [Biro Media & Sebaran AM](#) · Powered by [Ikatan Muslimin Malaysia](#) · [Log masuk](#)